



KENYATAAN MEDIA

MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU) ANTARA PERBADANAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM (SWCorp) DENGAN JABATAN AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN (JAWI)

SWCorp – JAWI PERLUAS PROGRAM KEBERSIHAN DI 845 BUAH MASJID / SURAU

PUTRAJAYA, 7 April 2023 - Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) dengan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) telah diadakan bertempat di Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT).

MoU berkenaan telah ditandatangani oleh YBrs. Tuan Haji Ismail bin Mokhtar, Ketua Pegawai Eksekutif SWCorp bersama YBhg. Datuk Mohd Ajib bin Ismail, Pengarah JAWI dan disaksikan oleh YB Tuan Nga Kor Ming, Menteri KPKT dan YB Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Nai'm bin Haji Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama).

MoU ini julung kalinya ditandatangani oleh KPKT dengan mana-mana Jabatan Agama Islam Negeri bertujuan agar kedua-dua pihak memberikan komitmen dan kerjasama dalam setiap bidang yang telah dipersetujui untuk dilaksanakan secara bersama bagi memberikan impak yang lebih relevan kepada masyarakat.

Kerjasama di antara SWCorp dengan JAWI ini merupakan satu gabungan yang sangat baik kerana ia bertepatan dengan tanggungjawab sosial kedua-dua agensi dalam meningkatkan kesedaran awam mengenai pembudayaan kebersihan persekitaran dan amalan 3R. Selain itu, pelaksanaan program dan aktiviti di masjid, surau dan sekolah-sekolah di bawah pengurusan JAWI, mensasarkan penglibatan pelbagai peringkat umur di samping memberi imej yang baik kepada institusi Islam khususnya di Wilayah Persekutuan.

Sebagai makluman, SWCorp telah berkolaborasi dengan JAWI sejak tahun 2021. Antara program yang telah dilaksanakan sebelum ini adalah seperti berikut:

- a) Pelupusan 25 tan Al Quran yang ditenggelami banjir 2021;
- b) Pelaksanaan #ProjekPahala melalui program kitar semula di masjid dan surau di bawah pentadbiran JAWI (akan dikembangkan kepada 845 masjid/surau di bawah pengurusan JAWI);
- c) Program *Trash To Cash* serta gotong-royong telah diadakan hampir setiap minggu untuk masjid/surau yang belum menyertai #ProjekPahala; dan
- d) Pengesanan sampah haram di tanah atau laluan ke tanah-tanah perkuburan.

Selain itu, melalui MoU tersebut, SWCorp dan JAWI akan melaksanakan kerjasama baharu seperti berikut:

- a) Pelaksanaan Program Tandas Masjid dan Surau BMW (Bersih, Menawan & Wangi);
- b) Pembinaan *Drive-Thru Recycling Center* (DTRC) di masjid yang mempunyai kawasan yang luas;
- c) Penyertaan sekolah-sekolah seliaan JAWI dalam aktiviti dan Pertandingan Kitar Semula Sekolah-sekolah (PerKISS);
- d) Pelaksanaan Pejabat dan premis JAWI Sifar Sisa (PESIS); dan
- e) Perkongsian ilmu mengimarahkan alam sekitar dalam kursus pra-perkahwinan.

Pelaksanaan MoU ini akan melibatkan program-program yang dinyatakan dengan penumpuan di Wilayah-wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan) iaitu sebanyak 845 buah masjid/surau. Selain itu, program dan kempen akan turut diperluaskan ke 62 buah sekolah-sekolah agama dan tahfiz yang berdaftar di Wilayah-wilayah Persekutuan.

Harapan SWCorp dan JAWI melalui pelaksanaan MoU ini agar komitmen dan kerjasama yang dijalin dapat memberikan impak kepada masyarakat khususnya ke arah:

- a) Perubahan minda masyarakat dalam mengimarahkan alam sekitar;
- b) Pencapaian Kadar Kitar Semula Kebangsaan sebanyak 40% pada tahun 2025; dan
- c) 50% sisa makanan dikurangkan dari dihantar ke tapak pelupusan pada tahun 2030.

Selain itu, komitmen sepenuhnya daripada masyarakat khususnya melibatkan kebersihan persekitaran amatlah diharapkan sejajar dengan matlamat KPKT iaitu “Jihad Terhadap Kekotoran dan Pembaziran Makanan”. Ianya seiring dengan tuntutan Islam dan menepati visi kedua-dua pihak iaitu menjadikan Malaysia sebuah negara yang bersih, indah dan sejahtera serta menjadi peneraju pengurusan hal ehwal Islam secara komprehensif ke arah kesejahteraan ummah.

Turut hadir di dalam Majlis MoU tersebut adalah YB Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir, Timbalan Menteri KPKT, YBhg. Datuk M Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha KPKT, YBrs. Tuan Haji Mohd Nizam bin Yahya, Ketua Pegawai Eksekutif MAIWP serta barisan Pengurusan Tertinggi KPKT dan JAWI.

-TAMAT-

.....

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Korporat

b.p. Ketua Pegawai Eksekutif

Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp)

Bertarikh: 7 April 2023

Sebarang pertanyaan lanjut, boleh hubungi:

SUMATRA A/P APPAVOO

Pengarah

Bahagian Korporat

Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp)

E-mel : sumatra@swcorp.my